

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai Insurans Semua Risiko Peralatan (Mudah Alih) anda.

Tarikh: 04/2026

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah Insurans Semua Risiko Peralatan (Mudah Alih)?

Insurans Semua Risiko Peralatan menyediakan perlindungan untuk peralatan mudah alih anda yang tidak berlesen untuk digunakan di jalan awam. Peralatan mudah alih merujuk kepada kenderaan dan/atau peralatan yang bergerak sendiri secara mekanikal, seperti kren mudah alih, traktor, forklift, jengkaut dan sebagainya.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan premium **RM500.00 setahun**, anda akan menerima perlindungan insurans berikut dengan Jumlah Diinsuranskan sebanyak **RM50,000** sekiranya peralatan anda berada di kawasan pelabuhan.

Polisi ini melindungi:

Kerugian atau kerosakan pada peralatan, aksesori, alat ganti dan komponennya semasa berada di situ akibat:

- Perlanggaran atau terbalik secara tidak sengaja
- Perlanggaran atau terbalik akibat kerosakan mekanikal atau akibat haus dan lusuh
- Kebakaran, letupan luaran, penyalaan sendiri atau kilat
- Kecurian atau pecah masuk

Polisi ini **tidak melindungi**:

- Sebarang tindakan keganasan
- Pengecualian penyakit berjangkit
- Pengecualian siber dan data harta
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Had dan pengecualian sekatan
- Perang, perang saudara, pencerobohan, kebangkitan tentera atau rakyat, pemberontakan, revolusi
- Di luar Had Wilayah yang dinyatakan dalam Jadual Polisi
- Semasa peralatan digunakan di jalan seperti yang ditakrifkan dalam Akta Pengangkutan Jalan
- Semasa peralatan berada dalam pengangkutan (termasuk proses pemuatan dan pemungghahan)
- Semasa peralatan dikendalikan oleh Pemandu/Operator Sah yang berada di bawah pengaruh arak atau dadah
- Kehilangan aksesori dan/atau alat ganti dan/atau bahagian kecuali keseluruhan peralatan dicuri pada masa yang sama

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans ini, anda boleh:



Hubungi kami
di:
1 800 888 450



Lawati laman sesawang kami di:
www.progressiveinsurance.com



E-mel kami di:
customercare@progressiveinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi sahaja, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM500.00 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	<i>Tidak Berkenaan</i>
Premium Kasar	RM500.00 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM40.00 (setahun)
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM550.00 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada Premium Kasar atau RM125.00
Note: <ul style="list-style-type: none"> Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung kepada liputan insurans, tahap pendedahan risiko dan kriteria pengunderaitan Progressive Insurance Bhd. Kadar Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada kadar semasa yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia. 	

4 Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> Kewajipan Pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta penting yang diketahui atau sepatutnya diketahui yang boleh mempengaruhi pertimbangan pengunderaitan terhadap cadangan anda, termasuk sejarah insurans dan kerugian. Semua fakta berkaitan mesti dinyatakan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda. Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi supaya pindaan yang perlu boleh dibuat dan disahkan pada polisi insurans anda. Jumlah Diinsuranskan: Pastikan harta anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai. Jumlah diinsuranskan mesti dipantau dan disemak secara berkala untuk memastikan ia mewakili nilai penuh harta anda bagi mengelakkan insurans yang kurang mencukupi. Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum pampasan diberikan. Premium: Premium yang perlu dibayar mesti dijelaskan dan diterima oleh Progressive Insurance Bhd dalam tempoh 60 hari dari tarikh mula polisi. Jika gagal, polisi akan dibatalkan secara automatik dan kami berhak mengenakan premium pro-rata bagi tempoh risiko yang telah ditanggung. Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kepada kami dengan segera mengenai sebarang tuntutan dan mengambil langkah munasabah untuk meminimumkan kerugian atau kerosakan. <p>Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.</p>

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan dibuat, sebarang bayaran balik premium akan dibuat berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi, dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan. Syarikat boleh membayar balik premium yang terhutang di bawah kontrak insurans secara pro-rata atau mengikut tempoh pendek kepada Pihak Diinsuranskan dan mengekalkan premium minimum, kecuali jika pembatalan dilakukan dari tarikh mula polisi ini.
- Jadual Kadar Tempoh Pendek:

Tempoh Insurans	Peratusan Bayaran Balik Premium Tahunan
Tidak melebihi 15 hari	90%
Tidak melebihi 1 bulan	80%
Tidak melebihi 2 bulan	70%
Tidak melebihi 3 bulan	60%
Tidak melebihi 4 bulan	50%
Tidak melebihi 5 bulan	40%
Tidak melebihi 6 bulan	30%
Tidak melebihi 7 bulan	25%
Tidak melebihi 8 bulan	20%
Tidak melebihi 9 bulan	15%
Tidak melebihi 10 bulan	10%
Tidak melebihi 11 bulan	5%
Melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik premium

Manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had tertentu. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)